

23 MAR 2004

INVENTQJAYA-PAMERAN

PAMERAN KERJAYA INVENTQJAYA 2004 DI CYBERJAYA SABTU INI

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- InventQjaya Sdn Bhd akan menganjurkan pameran kerjaya di Cyberjaya Sabtu ini bagi rakyat Malaysia yang berminat untuk memberi sumbangan kepada pembangunan sains dan teknologi di negara ini.

Ia menawarkan hampir 150 jawatan pelbagai bidang bagi tujuh makmalnya yang perlu diisi sebelum akhir Mei, iaitu terdiri daripada bidang Fotonik, Pengangkutan Maju, Teknologi Nano, Bahan-Bahan Maju, Elektrokimia, Perkhidmatan Am dan Pengimejan Stereoskopik.

"Kami memerlukan rakyat Malaysia yang berbakat, mempunyai keyakinan diri serta gemar meneroka untuk mengisi beberapa jawatan kejuruteraan di jabatan-jabatan pembuatan dan perisian," kata pengerusi dan ketua pegawai eksekutifnya, Dr Sadeg Faris dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

Pakej-pakej faedah yang menarik telah dirancang dan semua pihak yang berkecenderungan dipelawa untuk menghadiri temuduga terbuka semasa pameran kerjaya itu dari pukul 9.30 pagi hingga 4.00 petang di makmal-makmalnya, kata beliau.

Makmal bertaraf dunia yang dirasmikan pelancarannya oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad Oktober lepas itu, bertujuan memperkenalkan semangat baru dalam penemuan di kalangan rakyat Malaysia, iaitu hampir sama dengan semangat Thomas Edison yang hasilnya nanti akan menonjolkan rakyat Malaysia sebagai peneraju penemuan-penemuan besar dalam bidang sains dan pakar teknologi yang inovatif, bukan sekadar pengguna teknologi yang diimport. -- BERNAMA

WLC OS KY AHM